

# TALI GANTUNG GAGAL LAWAN DADAH?

Pada 10 Jun lepas, Malaysia mengumumkan akan memansuhkan hukuman mati mandatori yang pada masa ini dikenakan terhadap kesalahan berkaitan dadah serta kes bunuh dengan hukuman gantian tertakluk kepada budi bicara hakim.

Sejurus diumumkan, maklum balas mencurahkan masuk. Walaupun ada moratorium pelaksanaan hukuman mati mandatori sejak 2018, perkhabaran itu disifatkan oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa sebagai langkah ke depan yang amat diperlukan dalam menangani isu jurang besar hukuman kesalahan berkaitan dadah.

Keputusan itu juga adalah langkah pengunduran dasar kerajaan diinspirasikan oleh perang terhadap dadah yang dilancarkan Amerika Syarikat (AS). Pengumuman tersebut menyusuli polemik menghalalkan marijuana bagi tujuan perubatan, iaitu satu lagi tindakan yang menunjukkan Malaysia mengambil pendekatan lebih bernuansa berhubung masalah dadah.



*Sebagaimana yang kita tahu, (penagihan) adalah penyakit relaps berkaitan otak yang boleh dirawat oleh doktor”*

gara ini.

“Ini kerana hukuman mati terbukti, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga seluruh dunia bukan langkah pencegah yang berkesan. Malah, sebahagian besar terkesan oleh pelaksanaan hukuman mati bagi kesalahan mengedar dadah adalah golongan miskin dan terpinggir,” kata Abdul Rashid Ismail, seorang peguam hak asasi.

Menurut peguam dan juga pertubuhan hak asasi manusia, sesetengah keluarga berhutang dan menjual harta benda bagi mendapatkan khidmat guaman untuk tanggungan mereka.

Tertuduh bagi kesalahan dadah di Malaysia perlu melepasi halangan besar kerana beban pembuktian mungkin berpindah kepada mereka apabila keperluan

tuai bekas Ketua Hakim Negara Tun Richard Malanjum.

Ahli jawatankuasa itu Edmund Bon memberitahu satu panel khas dianggotai para hakim Mahkamah Persekutuan perlu ditubuhkan bagi menyemak semula kes hukuman mati sedia ada.

“Harus ada satu panel khas hakim susulan undang-undang baharu itu bagi menyemak semula kes mereka, sama ada hukuman mati tersebut wajar dikekalkan atau diringankan kepada penjara seumur hidup atau hukuman lain,” katanya.

Media melaporkan setakat 19 Okt 2021, 1,366 berada dalam senarai hukuman mati dengan dua pertiga daripada mereka disabitkan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

hukuman mati mandatori mungkin dijadikan sebahagian undang-undang apabila Parlimen bersidang semula bulan depan, hukuman mati secara umum masih kekal.

Bon yang juga peguam hak asasi manusia berkata, Malaysia mungkin memansuhkan sepenuhnya hukuman mati pada masa depan.

“Pemansuhan hukuman mati mandatori ini langkah pertama. Jika kita lihat tiada impak ke atas kadar jenayah, maka ini mewartakan hujah mereka yang menyokong pemansuhan bahawa hukuman mati tidak dapat mencegah jenayah,” katanya.

Sejak sekian lama, aktivis dan pertubuhan hak asasi manusia berhujah hukuman mati tidak berkesan sebagai pencegah jenayah.

berkuat kuasa di Malaysia adalah bukti hukuman itu tidak berjaya mencegah jenayah.

“Jujurnya, apabila mereka menegaskan hukuman mati itu berkesan, mereka buat demikian tanpa sokongan empirikal. Jika (hukuman mati) benar-benar berkesan (sebagai pencegah), bukannya sepatutnya jumlah penderang dadah berkurangan?” ujarnya.

Pakar rawatan penagihan dadah Dr Mohammed Khafidz Mohd Ishak berharap pelaksanaan langkah itu bermakna Malaysia menerima pakai pendekatan berasaskan rawatan dalam isu penggunaan dan penyalahgunaan dadah.

“Kita harus faham penagihan dadah satu penyakit, bukan perbuatan jenayah tetapi penyakit. Sebagai

namun lebih penting lagi, aktivis hak asasi manusia berharap pemansuhan hukuman mati mandatori itu membaiki segala kerosakan diakibatkan oleh dasar sifar toleransi negara terhadap kesalahan dan pendedaran dadah sejak era 1980-an.

Samantha Chong, seorang peguam yang banyak mengendalikan kes dadah, memberitahu Bernama hukuman mati mandatori itu lebih bersifat seperti *band-aid* iaitu sekadar penyelesaian luaran dalam menangani masalah dadah di negara ini.

"Jika kita cuma ada hukuman mati - (dengan mentaliti) hukum sahaja mereka yang guna dadah - ini tidak menyelesaikan masalah. Kerajaan mungkin dilihat mengambil tindakan namun (ini) tidak (benar)," katanya.

Malaysia antara negara mengikut jejak langkah AS dalam dasarnya *Just Say No To Drugs* (Katakan Tidak Kepada Dadah) yang dipopularkan semasa era pentadbiran Presiden Ronald Reagan pada 1980-an.

Pada 1983, Malaysia memperkenalkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah sekalipun kebanyakan kes bukan jenayah kejam. Alasannya ialah dadah boleh menyebabkan kematian akibat terlebih dos atau lain-lain.

**Dr Mohammed Khafidz**

Undang-undang keras berkaitan dadah memperlakukan hukuman mati ke atas sesiapa disabitkan kesalahan memiliki dadah berdasarkan jumlah berat digariskan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1957 - contohnya 15 gram bagi heroin - menyebabkan dadah sukar diperolehi. Akibatnya, dadah menjadi lebih berharga, sekali gus mendorong mereka yang terdesak mencuba nasib mengedar dan menjual bahan terlarang itu.

Kedudukan strategik iaitu di selatan kawasan pengeluaran dadah dikenali Segi Tiga Emas, Malaysia secara tidak langsung menjadi negara transit yang ideal bagi penyeludupan dadah di mana heroin dan dadah sintetik dibawa masuk dengan sebahagian besar adalah untuk pasaran antarabangsa. Buktinya rampasan besar kerap dilakukan pihak berkuasa. Misalnya tahun lepas, polis berjaya merampas 27 tan dadah bernilai hampir RM1 bilion bagi tempoh Januari hingga 30 November.

Jelas, perniagaan dadah tetap ampuh sekalipun ada hukuman mati mandatori yang berkuat kuasa selama hampir empat dekad di ne-

perundangan tertentu dipenuhi. Apabila ini berlaku, tertuduh perlu membuktikan, misalnya mereka tidak tahu-menahu tentang dadah ditemukan dalam milikan mereka.

"Kesukarannya ialah bagaimana anda mahu buktikan aspek itu," kata Abdul Rashid.

Kesan buruk bertambah jika tertuduh pencari nafkah keluarga seperti kes Hairun Jalmani, seorang penjual ikan.

Ibu tunggal berusia 55 tahun itu disabitkan kesalahan memiliki dan mengedar 113.3 gram methamphetamine dan dijatuhi hukuman mati pada tahun lepas di Tawau, Sabah. Dia mempunyai sembilan orang anak yang kini mungkin hidup terkontang-kanting.

Kerajaan mengemukakan rancangan, memansuhkan hukuman mati mandatori susulan laporan jawatankuasa khas dike-

Menurut Amnesty International, sejak meraih kemerdekaan pada 1957 hingga kini, Malaysia melaksanakan hukuman mati ke atas 469 orang.

Apabila kerajaan Malaysia dan masyarakat antarabangsa merayu Singapura memberi pengampunan kepada Nagaenthran Dharmalingam, lelaki warga Malaysia berusia 44 tahun dengan masalah lembam yang disabitkan kesalahan menyeludup 44 gram heroin ke Singapura, kerajaan republik itu menjawab hukuman mati perlu bagi mencegah orang lain daripada mengedar dadah.

Hukuman terhadap Nagaenthran dilaksanakan pada 27 April lalu.

Sekalipun pemansuhan

Hasil kajian beberapa negara memansuhkan sepenuhnya atau sebahagian hukuman mati dilihat menyokong hujah mereka.

Contohnya, analisis data Biro Penyiasatan Persekutuan AS yang membandingkan kadar jenayah di antara negeri menguatkuasakan hukuman mati dan negeri yang tiada hukuman itu bagi tempoh 1990 hingga 2019 mendapati kadar jenayah bunuh lebih rendah di negeri yang tidak melaksanakan hukuman mati.

Abdul Rashid yang juga bekas Presiden Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia Malaysia (Hakam) menghujahkan bahawa peningkatan jumlah kes pendedaran dadah ketika hukuman mati mandatori

mana yang kita tahu, (pengalihan) adalah penyakit relaps berkaitan otak yang boleh dirawat oleh doktor. Jadi, kita harus beri mereka peluang untuk dirawat selain memenjarakan mereka atau (dikenakan hukuman mati)," katanya.

Khafidz yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Poliklinik Khafidz, sebuah klinik metadon, menambah bahawa hampir kesemua pesakitnya mula menyalahgunakan dadah disebabkan pengaruh rakan selain faktor seperti stres dan kemurungan.

Satu lagi cara ialah mengenal pasti punca jenayah dan meningkatkan sokongan kesejahteraan sosial bagi semua komuniti dan rakyat. Ini akan menurunkan kebarangkalian ahli masyarakat melakukan jenayah.



MALAYSIA menjadi negara transit ideal bagi penyeludupan dadah ekoran kedudukan strategik di kawasan Segi Tiga Emas.